



ANTARA pekerja warga asing yang ditahan di sekitar Johor.

Oleh Mary Victoria Dass  
am@hmetro.com.my

**Johor Bahru**

**S**emakin ramai warga asing termasuk pendatang haram dikesan bebas bekerja di restoran dan kedai pembungkusan sayur di bandar raya ini tanpa permit kerja yang sah.

Kegiatan itu dibongkar susulan tindakan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Johor menahan seramai 77 warga asing menerusi operasi penguatkuasaan dilakukan sejak dua hari lalu.

Pengarahnya, Datuk Mohd Rusdi Mohd Darus berkata, operasi Ops Selera yang dijalankan pada jam 2 petang, 27 April lalu membatitkan sepasukan pegawai dari bahagian penguatkuasa Johor.

Menurutnya, operasi yang dijalankan serentak di beberapa premis makanan mengesan kehadiran warga asing yang bekerja tanpa pas yang sah serta menyalahgunakan kemudahan pas lawatan sosial.

Katanya, seorang lelaki warga tempatan yang dipercayai bekerja sebagai pengurus sumber manusia turut ditahan bagi membantu siasatan.

"Seramai 39 pekerja asing ditahan atas pelbagai kesalahan termasuk 20 lelaki dewasa warga Myanmar, 10 lelaki dewasa warga Bangladesh, 2 lelaki dewasa warga Indonesia, seorang perempuan dewasa warga Bangladesh dan 6 perempuan warga Myanmar.

"Mereka yang bekerja sebagai pelayan restoran dan tukang masak berusia an-

# Bebas kerja tanpa permit!

*Seramai 77 warga asing ditahan dalam serbuan di restoran, premis bungkus sayur*



ANTARA pekerja warga asing yang ditahan dalam serbuan di beberapa premis makanan sekitar Johor.

tara 19 tahun hingga 40 tahun.

"Kesemua yang ditahan disyaki melakukan kesalahan dibawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dan mereka ditempatkan di Depot Imigresen Setia Tropika untuk siasatan dan tindakan lanjut.

"Sebanyak empat keping borang 29 iaitu saman kepada saksi dikeluarkan sepanjang pemeriksaan untuk membantu siasatan," katanya.

Beliau berkata, manakala pada 28 April lalu, pihaknya turut melaksanakan

operasi Ops Mahir mulai jam 10 pagi di tempat pembungkusan sayur.

"Serbuan berkenaan adalah hasil pemantauan intensif selama beberapa minggu berkaitan kegiatan majikan yang dipercayai menggajikan warga asing secara tidak sah bagi mengelakkan kos penggajian yang lebih tinggi.

"Operasi ini memberi tumpuan ke atas lokasi pembungkusan sayur yang mengambil pekerja warga asing tanpa kebenaran dokumen sah serta melanggar peruntukan dibawah

Akta Imigresen 1959/63.

"Turut ditahan seorang warga tempatan yang juga pengurus premis kerana mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah, selain dipercayai menyalahgunakan pas lawatan untuk tujuan bekerja.

Beliau berkata, hasil serbuan, seramai 38 warga asing ditahan kerana gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah, selain dipercayai menyalahgunakan pas lawatan untuk tujuan bekerja.

Menurutnya, mereka terdiri daripada 27 lelaki dewasa warga Indonesia, seorang lelaki dewasa warga China dan 10 perempuan dewasa warga Indonesia berusia dalam lingkungan 18 tahun hingga 54 tahun.

Katanya, kesemua individu yang ditahan disyaki melakukan kesalahan dibawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dan ditempatkan di Depot Imigresen Setia Tropika untuk tindakan selanjutnya mengikut peruntukan undang-undang.

"JIM Johor memandang serius isu menyalahgunaan pas dan kemudahan yang diberikan kepada warga asing dan akan terus aktif memerangi serta membanteras Pendatang Asing Tanpa Izin (pati) di negeri Johor," katanya.